

PKR persoal keabsahan Muhyiddin

PETALING JAYA: PKR mempersoal keabsahan kepemimpinan Tan Sri Muhyiddin Yassin yang sudah setahun memegang jawatan Perdana Menteri walaupun belum mendapat undi percaya di Parlimen.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Komunikasi PKR, Fahmi Fadzil berkata, secara 'tradisi', pemerintahan sebelum ini di bawah pentadbiran Tun Hussein Onn dan Tun Abdullah

Ahmad Badawi membuat usul undi percaya dalam Parlimen.

Namun, perkara itu tidak berlaku kepada Muhyiddin meskipun terdapat 25 ahli Parlimen mengusulkan perkara yang sama di Dewan Rakyat.

"Isu asas yang dihadapi pentadbiran Muhyiddin adalah keabsahan. Kalau kita lihat du'a keadaan sebelum ini, peralihan kuasa daripada Tun Razak Hussain ke-

pada Tun Hussein Onn dan Tun Dr. Mahathir (Mohamad) kepada Pak Lah (Abdullah Ahmad Badawi). Terdapat usul undi percaya yang dibawa oleh ahli Parlimen penyokong kerajaan terhadap Tun Hussein Onn dan kemudiannya Pak Lah. Itu perkara pertama diambil alih jawatan Perdana Menteri.

"Malangnya kita dah hampir setahun Muhyiddin menggalas

tugas sehingga kini, belum ada ujian di Parlimen untuk dia dan semua tahu tentang usul tidak percaya yang pernah kita hantar pada persidangan lepas. Tapi tidak ada tindakan," katanya.

Dalam pada itu, Fahmi berkata, pihaknya belum membincangkan sama ada usul yang sama iaitu undi tidak percaya dikemukakan pada persidangan Dewan Rakyat kali ini.